

KOSMO	
Tarikh:	22/5/2012
Hari:	SEKASA M/S: 18
Ruangan:	NEHARA

Pelajar UUM berkampung di Ulu Legong

BALING – Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Tabung Haji (TH) Kedah akan mengadakan program kemasyarakatan dengan berkampung di perkampungan orang Asli Ulu Legong di sini selama dua hari bermula 29 Jun ini.

Program yang dikenali 'Merentasi Dunia Luar' itu merupakan kerjasama Pusat Islam UUM dan TH Kedah selain penglibatan Alumni Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak dan Majlis Belia Daerah Baling.



Pengarah Pusat Islam UUM, Prof. Madya Dr. Ismail Ishak yang juga penasihat projek berkata, program tersebut akan melibatkan 40 mahasiswa universiti tersebut yang akan bertindak sebagai fasilitator.

Katanya, projek itu berikutan kejayaan beberapa program UUM di daerah Kubang Pasu sehingga berjaya menarik minat TH Kedah untuk melaksanakan program kemasyarakatan yang lebih besar.

"Saya melihat program yang diilhamkan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak untuk membantu masyarakat setempat memerlukan kita bergerak lebih jauh dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta," katanya ketika menghadiri mesyuarat jawatankuasa kerja di Dewan Kampung Lubuk, Legong di sini kelmarin.